

**PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Hari Rabu, 02hb Ogos 2017**.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB 3910
Negara Brunei Darussalam**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen-dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari jam **2.00 Petang, Hari Selasa** pada **29hb Ogos 2017**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (**dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan**). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu Menerima Bayaran

ISNIN – KHAMIS	8.00 PAGI – 11.00 PAGI 2.00 PETANG – 3.00 PETANG
SABTU	8.00 PAGI – 10.00 PAGI
BULAN RAMADHAN	
ISNIN – KHAMIS	8.30 PAGI – 11.00 PAGI
SABTU	8.30 PAGI – 10.00 PAGI

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-
 - Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
 - Manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap. 114).
 - Manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah daripada Kementerian Pembangunan.
 - Lain-lain kelayakan sepertimana yang dinyatakan bagi setiap tawaran.
7. Pender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang
KK/80/2017 (JPR)(TC)	SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL CONSUMABLES FOR RENAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS	\$500.00	29/08/2017